



# Pengurusan Harta Pusaka

**Jasni Sulong**

Profesor Madya di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia

**A**pabila menyebut soal harta, semua orang berminat untuk memilikinya. Sejak dahulu, manusia sanggup berbuat apa-apa sahaja untuk mendapatkan harta. Oleh itu, tidak hairanlah jika pada hari ini orang berjaga malam dan bekerja di bawah terik matahari untuk mengumpul harta. Ada juga yang sanggup membunuh, menipu, menyamar, berpisah dengan isteri dan anak, berpindah ke luar negara, atau berbuat sesuatu yang boleh mengancam nyawa semata-mata untuk mendapatkan harta. Malah, anak-anak hari ini dipaksa belajar siang dan malam, pagi dan petang untuk mengumpul banyak “A” supaya mendapat pekerjaan yang terbaik kelak, dan gaji yang banyak bagi mengumpul harta.

Dalam persoalan harta juga, hubungan adik-beradik boleh renggang disebabkan perbalahan. Seorang adik sanggup mendakwa abang kandungnya di mahkamah kerana mahukan harta. Malah, seorang anak sanggup menikam ibu atau ahli keluarganya yang lain kerana harta. Walaupun kes pembunuhan ini melibatkan golongan penagih dadah dan kurang siuman, namun banyak situasi menunjukkan harta boleh menyebabkan seseorang hilang pertimbangan sehingga berlaku pergaduhan dan pembunuhan. Hal ini selari dengan sebuah hadis Rasulullah SAW yang bermaksud, "Sesungguhnya bagi setiap umat itu ada fitnah (bahaya), dan fitnah bagi umatku ialah harta." (Hadis riwayat Imam Ahmad, no. 16826).

### **Konflik harta pusaka**

Harta pusaka diperoleh melalui proses pindah milik secara pusaka setelah kematian pemilik harta kepada waris yang mempunyai hubungan darah atau ikatan perkahwinan. Kaedah harta pusaka membolehkan seseorang mendapat perolehan harta yang banyak jika si mati memiliki banyak harta semasa hidupnya, lebih-lebih lagi jika si mati tidak mempunyai banyak waris. Sekiranya setiap waris ini bekerjasama dalam hal membahagikan harta pusaka, proses pindah milik harta dapat berjalan dengan baik dan masing-masing akan dapat menikmati harta yang diwarisi dengan tenang.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya setiap waris saling bertelagah, mempunyai prasangka bahawa waris lain akan dapat lebih atau tidak memberikan kerjasama ketika pembahagian, maka proses pembahagian harta pusaka akan menjadi malapetaka dalam keluarga. Keluarga yang rukun akan menjadi kucar-kacir dan akhirnya harta yang didambakan tidak selesai untuk dibahagikan. Kelewatan pembahagian harta pusaka juga boleh berlaku akibat terlalu lama bertanggung. Penangguhan awal mungkin disebabkan kesedihan dengan kematian pemilik harta, namun proses ini dianggap lewat apabila melangkaui tempoh lima hingga sepuluh tahun.

Kadangkala kelewatan berlaku kerana sikap tidak mahu ke hadapan untuk menguruskan kebajikan waris yang lain. Malah, ada suara suambang yang mengatakan mereka tidak menghormati si mati, tamak pada harta dan terlalu gelojoh. Sikap dan persepsi begini boleh menyebabkan proses pembahagian harta pusaka tidak berlaku hingga suatu tempoh yang lama.

Kelewatan ini menyebabkan berlakunya lambakan harta pusaka, lebih-lebih lagi apabila berlaku kematian lain dalam kalangan waris kepada si

mati sebelumnya yang dinamakan kematian berlapis, sedangkan harta pusaka masih belum dibahagikan. Hal ini menyebabkan harta pusaka yang ditinggalkan akan terbelah, malah tidak boleh digunakan dan dimanfaatkan, seperti hasil kebun atau hartanah yang luas untuk pembangunan ekonomi. Kesannya, waris yang berhak tidak mendapat apa-apa. Mereka sepatutnya mewarisi harta yang banyak, tetapi faktor kelewatan telah menyebabkan manfaat tersebut tidak dapat dinikmati. Malah kehidupan mereka masih sama, ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Sedangkan proses pindah milik harta pusaka dapat memberi mereka modal dan harta yang mencukupi untuk kelangsungan hidup selepas kematian si mati.

### **Keperluan perancangan harta pusaka**

Setiap Muslim perlu merancang pembahagian harta pusaknya bagi mengelakkan konflik dan sengketa yang mendatang. Walaupun Islam menurunkan ilmu dan disiplin tentang pembahagian harta pusaka, tidak bermakna Islam tidak membenarkan pemilik harta merancang untuk membuat pindah milik harta. Oleh itu, di samping ilmu faraid, Islam juga menetapkan ilmu wasiat, hibah dan wakaf. Islam juga membenarkan seseorang berjual beli dan melakukan gadaian terhadap harta miliknya. Kemungkinan untung dan rugi atas transaksi tersebut menunjukkan kebebasan seseorang pemilik harta bertransaksi dengan harta tersebut.

Perancangan pengurusan terhadap harta yang dimiliki secara sempurna (*milik al-tam*) oleh seseorang pada dasarnya bukanlah satu bentuk pengelakan pusaka. Seseorang individu bebas menggunakan dan melakukan transaksi dengan harta miliknya selagi mempunyai keahliah (*al-ahliyyah*) dan kuasa (*al-wilayah*). Keahlian ialah pemilik sesuatu harta yang sudah baligh, waras dan cerdik. Kuasa pula ialah harta yang menjadi miliknya dan mempunyai kuasa untuk menguruskannya. Dalam hal ini, seseorang pemilik tidak seharusnya dihalang daripada berbelanja dengan hartanya walaupun dengan cara mengurangkan hartanya (*tasarrufat al-darah*), seperti hibah, wakaf, sedekah, memberi hutang dan memberi wasiat selagi dalam batasan syarak.

Di sebalik kebenaran melakukan wasiat, hibah dan wakaf, pertimbangan syarak masih meletakkan keutamaan kepada kebajikan waris terdekat. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam harta itu, adanya tanggungjawab nafkah yang mesti ditunaikan. Oleh sebab itu, dalam sebuah hadis, Sa'd meminta untuk melakukan sedekah sehingga dua pertiga hartanya, tetapi tidak dibenarkan oleh Rasulullah SAW. Baginda

bersabda yang bermaksud, “Sepertiga wahai Sa’d dan sepertiga itu sudah banyak. Sesungguhnya kamu meninggalkan keturunanmu dalam keadaan kecukupan itu adalah lebih baik daripada kamu meninggalkannya dalam keadaan miskin, lalu mereka mengemis dan meminta-minta daripada manusia lain.” (Hadis riwayat al-Bukhari, no. 3643).

Mafhum hadis ini meminta supaya kita tidak mengabaikan kebajikan waris (nafkah) selepas kematian pemilik harta. Waris hendaklah ditinggalkan dalam keadaan kewangan yang terbaik. Harta merupakan keperluan kehidupan dan satu daripada aspek maqasid syariah yang perlu dipelihara untuk kesejahteraan hidup manusia di dunia dan di akhirat. Seseorang dapat hidup dengan harmoni dan tenang apabila mempunyai harta yang cukup bagi memenuhi keperluan makan dan minum, beribadat dan tempat perlindungan. Maka itu, Islam menyediakan kaedah faraid sekiranya sesebuah keluarga tidak sempat untuk merancang pindah milik hartanya.

Dengan adanya perancangan, pemilik harta dapat memastikan tanggungjawabnya sebagai penanggung nafkah akan berterusan kepada tanggungannya walaupun selepas meninggal dunia. Pada hari ini, tanggungan yang ada bukan sekadar keperluan nafkah makan minum, tetapi pinjaman kenderaan, rumah, pakaian, kos pendidikan dan perlindungan kesihatan. Semua ini merupakan keperluan yang dapat menjamin kelestarian kehidupan sesebuah keluarga. Oleh itu, perancangan pemilik harta dengan melakukan beberapa alternatif pindah milik harta, seperti lantikan wasi, melakukan wasiat, hibah, wakaf atau mengambil skim takaful tertentu merupakan tindakan yang baik untuk masa depan keluarga.

Perancangan harta yang baik dapat memastikan kelangsungan nafkah keluarga yang ditinggalkan seperti sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, “Nafkah seorang lelaki ke atas ahli keluarganya merupakan sedekah.” (Hadis riwayat al-Bukhari, no. 3705).

Kadangkala dalam sebuah keluarga, terdapat komposisi tertentu seperti anak yang kurang upaya, anak angkat, ibu tiri tua yang ditanggung, dan sebagainya. Mereka juga memerlukan jaminan kewangan untuk meneruskan hidup. Kadangkala hukum faraid semata-mata tidak dapat menampung kebajikan mereka. Oleh itu, medium wasiat dan hibah juga perlu difahami oleh seorang ketua keluarga untuk merancang pindah milik hartanya.


## Merancang dan mengurus harta pusaka

Berdasarkan senario yang dinyatakan, memahami perancangan dan pengurusan harta pusaka bukanlah bermaksud memahami ilmu faraid semata-mata, tetapi memahami semua kelompok ilmu berkenaan tatacara pindah milik harta. Namun begitu, ilmu faraid masih menjadi ilmu yang utama. Para fuqaha menekankan bahawa ilmu pembahagian harta pusaka merupakan ilmu yang penting. Al-Darimi secara *mauquf* telah meriwayatkan bahawa, “Pelajarilah kamu semua akan ilmu faraid dan ajarkanlah dia, kerana sesungguhnya ilmu faraid itu separuh ilmu, dan ilmu ini akan dilupakan, dan ilmu yang mula-mula akan dicabut daripada manusia.”

Para fuqaha mengulas terma “separuh ilmu” ini sebagai penggalak dan penggesa supaya mempelajari ilmu faraid dengan sebaik-baiknya. Seseorang tidak akan lengkap apabila tidak memahami ilmu faraid kerana ilmu ini menjelaskan satu daripada sumber ekonomi seseorang individu, serta kelangsungan sesebuah institusi keluarga. Malah, pengukuhan silaturahim sesama anggota keluarga sangat bergantung pada kefahaman dan pengurusan pembahagian harta pusaka yang betul.

Jelasnya, asas pengurusan pembahagian harta pusaka yang baik adalah pada kefahaman terhadap ilmu faraid. Apabila wujud kefahaman, maka barulah boleh dipraktikkan aturan yang telah digariskan oleh Islam. Antara isu yang menggugat hubungan kekeluargaan ketika pembahagian harta pusaka termasuklah wujudnya ahli waris yang tidak memahami disiplin ilmu pusaka, iaitu tidak tahu yang mana haknya dan yang mana hak orang lain. Waris manakah yang patut diutamakan untuk mewarisi dan waris manakah yang tiada hak akibat dihijab? Semua ini memerlukan kefahaman dan sikap berlapang dada terhadap ketetapan yang telah dinyatakan oleh syarak.

Oleh hal yang demikian, kaedah terbaik kepada pemilik harta bagi memastikan pengurusan hartanya dapat dijalankan dengan baik adalah dengan melantik pengurus (wasi) yang memahami hukum faraid bagi menguruskan pembahagian harta selepas kematiannya. Amalan melantik pengurus ini telah dilakukan sejak zaman awal Islam. Para sahabat pernah melantik wasi untuk menguruskan pembahagian harta mereka sebelum pergi ke medan perang sebagai langkah berjaga-jaga sekiranya mereka ditakdirkan syahid ketika berjuang. Antara yang dilantik pada waktu itu termasuklah al-Zubair bin al-Awwam dan Ibn Mas’ud. Tugas mereka adalah untuk memastikan proses pembahagian harta



“Persoalan dalam pembahagian harta pusaka bukanlah pemindahan milik semata-mata, tetapi juga melibatkan perancangan pindah milik harta.”

pusaka kepada isteri dan anak-anak si mati, serta waris tanggungan mereka dapat diagihkan dengan saksama berdasarkan hukum faraid.

Dalam undang-undang moden, kaedah pengurusan sebegini dikenali sebagai pemegang amanah (*trustee*) atau penama (*nominee*) yang bertanggungjawab menguruskan proses tuntutan pembahagian harta pusaka dan memastikan pengagihan harta dapat diberikan kepada waris yang sepatutnya. Pemegang amanah dan penama bukanlah orang yang menerima harta pusaka tersebut secara mutlak, tetapi orang yang diamanahkan untuk menguruskan pembahagian harta. Kemungkinan mereka juga waris dan boleh mengambil bahagian pusaka berdasarkan kadar yang telah ditetapkan oleh syarak, tetapi tidaklah sehingga melampaui batas dan mengambil hak orang lain. Kesilapan memahami maksud ini dikategorikan sebagai pecah amanah dan pencerobohan terhadap hak waris yang berhak.

Dalam sejarah Islam, pernah berlaku tindakan yang salah ini sehingga Rasulullah SAW telah menegur saudara kepada Thabit bin Qays yang mengambil keseluruhan harta pusaka yang ditinggalkan oleh Thabit. Rasulullah SAW memerintahkan supaya sebahagian daripada harta pusaka tersebut diserahkan juga kepada isteri dan anak-anak Thabit. Baginda bersabda yang bermaksud, “Allah SWT telah mensyariatkan bagimu tentang (pembahagian

pusaka untuk) anak-anakmu.” (Hadis riwayat Abu Dawud, no. 2505).

Sememangnya, persoalan dalam pembahagian harta pusaka bukanlah pemindahan milik semata-mata, tetapi juga melibatkan perancangan pindah milik harta. Pemilik harta boleh membuat persediaan dari awal dengan mengenal pasti bakal waris dan nilai harta yang bakal ditinggalkan untuk para waris. Persediaan ini menunjukkan keprihatian ketua keluarga bagi memastikan kelangsungan nafkah terhadap waris yang tersayang, di samping memastikan kehidupan mereka tidak terganggu dan merempat selepas ketiadaannya.

Ketetapan Islam dalam hukum faraid merupakan perlindungan bagi memastikan setiap waris yang berhak akan mendapat haknya. Namun begitu, dari segi perancangan, pemilik harta dapat menjamin hak yang bakal diterima oleh waris dalam kadar yang mampu dan mencukupi untuk menampung keperluan kehidupan mereka. Dari sudut yang lain pula, pemilik harta perlu memastikan ada seseorang yang boleh dipercayai untuk menguruskan kebajikan mereka, iaitu wasi atau penama. Maka itu, setiap waris dapat dilindungi hak mereka dengan baik terutama waris yang mungkin terhalang daripada hak pusaka, seperti anak angkat dan ibu tiri. Oleh itu, perancangan pembahagian harta dapat memastikan jaminan kelangsungan hidup waris tanggungan ini sentiasa terpelihara dan tersusun dengan baik. **DTI**